

العمالات

# ALMUAMALAT

PENA SYARIAH BANK MUAMALAT ◆ SIRI 05 ◆ KDN: PP 17034/10/2012(031346)

## INDAHNYA PERBANKAN ISLAM: Proses Pematuhan Syariah dalam Perbankan Islam

- ◆ How Shariah-Compliant Is Islamic Banking?
- ◆ ISLAMIC ECONOMIST: Dato' Mohd Razif Abd Kadir
- ◆ LAMAN WAHYU: Jumlah Ayat Yang Terdapat Di Dalam Al-Quran



# At Bank Muamalat, we make your dreams come true...

We offer you a wide range of products, ranging from trade financing as well as project and contract financing to all sectors of the economy. Additionally, we also offer corporate finance and financial advisory services issuance of Islamic Private Debt Securities, offshore financing, foreign currency deposits and private banking facilities.

We were established in 1999 and we are a full-fledged Islamic institution operating under the Islamic Banking Act, 1983 and we are fully shariah-compliant.

Our people are our assets. We provide you the best service we have to offer.





# SHARIAH AUDIT

## IN ISLAMIC FINANCE (PART 1)

By: Muhamad Azhari Wahid


m/s 7

SIDANG REDAKSI

### TOPIK

|   |    |
|---|----|
| SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG   | 2  |
| SEJENAK BERSAMA ...   | 3  |
| SENGAT CIK LEBAH  | 3  |
| <br>INDAHNYA PERBANKAN ISLAM:<br>Proses Pematuhan Syariah dalam Perbankan Islam<br>Shariah-Compliant Process:<br>From Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)<br>Practice And Perspectives | 4  |
| Pematuhan Syariah Dalam Perbankan Islam   | 5  |
| ISLAMIC ECONOMIST: Dato' Mohd Razif Abd Kadir   | 6  |
| Shariah Audit In Islamic Finance – Part 1   | 7  |
| Pemantauan, Kutipan Dan Pemulihan Hutang<br>Dari Perspektif Islam   | 9  |
| <br>CONSUMER BANKING PRODUCT BRIEF INFO:<br>Muamalat Istisna' Home Financing (MIHF)   | 11 |
| How Shariah-Compliant Is Islamic Banking?   | 12 |
| Perbankan Islam adalah Kesinambungan Unik<br>Antara Pematuhan Prinsip Syariah Dengan<br>'Uruf Al-Iqtisadiyyah (Amalan Kebiasaan Ekonomi)  | 14 |
| LAMAN WAHYU: Jumlah Ayat Yang Terdapat<br>Di Dalam Al-Quran   | 17 |
| Mum, Why Islamic Finance?   | 17 |
| Syumulnya Islam   | 18 |
| Jujur dalam berniaga  | 19 |

### MUKA SURAT



### Penasihat

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid

### Ketua Editor

Mohd Hafiz Haji Fauzi

### Sidang Editor

Mohd Izwan Mahyudin  
Saidatul Leiza Dato' Seri Sulaiman  
Nurul Aiman Abdul Basik@Dzulkifli  
Wan Nuraihan Haji Ab. Shatar  
Ahmad Tarmizi Mahmud  
Aminah Baharin  
Ahmad Fikri Ahmad Faudzi

### Pereka Grafik

Ahmad Adhha Zainudin

### Penerbit

Jabatan Syariah, Tingkat 20,  
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,  
50100 Kuala Lumpur.

### Dicetak oleh:

SEPANTAS KURNIA (M) SDN BHD  
408007-V  
50, Jalan Seri Aman  
Taman Seri Aman  
Batu 8, 43200 Cheras  
Selangor

# Islamic Economist

Dato' Mohd Razif Abd Kadir

Dato' Mohd Razif Abd Kadir is the Deputy Governor of Bank Negara Malaysia (BNM).....



m/s 6

# *Sekapur sirih Seulas Pinang*

**Yang Berbahagia En. Musa Abdul Malek**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad

Alhamdullillah, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan keluarga, para sahabat serta tabi' dan tabi'iin. Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnianya dalam memberikan kemudahan kepada kita untuk menerbitkan Majalah Al-Muamalat bagi keluaran yang kelima. Moga segala usaha kita diberkatinya.

Sebagai salah sebuah institusi perbankan islam yang semakin berkembang, beberapa dasar utama perlu diambil kira dalam membentuk institusi ini. Bukan setakat nama dan labelnya sahaja malah Bank Muamalat perlu mencerminkan falsafah, nilai, etika dan matlamat Syariah yang sebenar.

Dalam memastikan kelangsungan Syariah benar-benar berterusan selari dengan urusniaga masa kini, maka keterbukaan dalam ijтиhad kewangan moden perlulah realistik dan berpijak pada realiti bukan berasaskan teori semata-mata. Penghasilan inovasi ini dapat memperkembangkan penawaran dan kepelbagaiannya dalam ekonomi negara selaras dengan tuntutan agama.

Sebagai pemegang amanah Allah S.W.T., kita seharusnya mengharmonikan tuntutan rohani usahawan muslim dalam pelaksanaan kerja. Justeru, interpretasi nilai ihsan dilihat sebagai satu formula yang baik. Pelaksanaan etika yang berkesan dapat membantu kita mencapai matlamat Al-Falah.

Menerusi intipati majalah ini, diharapkan ia dapat mempertingkatkan pengetahuan umum mengenai pengaplikasian perbankan islam dalam industri perbankan di negara kita. Malahan dengan wujudnya pertumbuhan sistem perbankan Islam di Malaysia, Bank Muamalat Malaysia Berhad merupakan peneraju penting dalam mempelbagaikan produk perbankan yang menawarkan produk perbankan yang berdaya saing yang memenuhi tuntutan Syarak. Di masa akan datang, majalah ini juga akan diperkembangkan lagi dengan memuatkan lebih banyak maklumat mengenai perbankan Islam terutama mengenai konsep, halatuju dan kriteria yang digunakan di Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Saya yakin, majalah Al-Muamalat ini dapat meningkatkan kecekapan dan ketelusan pihak Bank dalam menangani persoalan isu-isu semasa dalam perbankan Islam seterusnya membantu menjadi sumber rujukan yang berguna dan semoga maklumat yang dipaparkan dapat memberi penerangan yang jelas kepada saudara/saudari yang membaca majalah ini.

Sekian, terima kasih.



# Sejenak Bersama...

Yang Berbahagia Dr. Ab. Halim Muhammad  
Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad

Bismillahirrahmanirrahim...  
Assalamu'alaikum Wbt.

Alhamdulillah, selawat dan salam ke atas pemimpin ummah yang agung dan dicintai Nabi Muhammad S.A.W. beserta seluruh ahli keluarganya, para sahabat, tabi' dan tabi'in serta para ilmuan yang tidak jemu memartabatkan dan memperjuangkan ilmu Allah S.W.T. yang maha luas. Terlebih dahulu saya ingin merafakan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmatNya majalah Al-Muamalat keluaran kelima ini dapat diterbitkan.

Pada amatan saya, keluaran pada kali ini agak berbeza dengan keluaran sebelumnya. Aspek pematuhan Syariah yang ditekankan dan dijadikan sebagai tema majalah, meletakkan Syariah sebagai sesuatu yang penting dalam pelaksanaan aktiviti Perbankan Islam. Malah mematuhi hukum-hukum syara' dalam kehidupan sehari-hari seorang muslim, terutamanya dalam aktiviti muamalat mempunyai kebaikan dan kepentingannya sendiri.

Justeru itu, orang yang mempunyai aqidah dan iman yang mantap pasti merasa takut melanggar prinsip-prinsip Syariah dalam urusan harta kerana mereka menganggap harta yang dimilikinya adalah harta Allah S.W.T. yang diberi sebagai amanah yang akan ditanya di akhirat kelak. Prinsip-prinsip Syariah yang diamalkan dalam aktiviti muamalat dan perbankan menjadikan ia lebih berkat serta akan mewujudkan situasi harmoni dan ketenangan di kalangan petugas, pelanggan serta masyarakat.

Akhir kalam, diharapkan golongan pembaca serta kakitangan BMMB sendiri dapat menggunakan manfaat serta ilmu yang diselitkan di dalam majalah ini sebagai panduan bermuamalat dalam kehidupan sehari-hari. Gabungan iman yang mantap, ibadat yang *istimrar(berterusan)* dan akhlak yang mulia, menjadikan seseorang yang berada dalam ruangan perbankan dan muamalat akan dapat mematuhi prinsip-prinsip Syariah yang ditetapkan. Sehubungan itu, hanya melalui ilmu dan kefahaman yang jitu sahaja usaha ini dapat dilaksanakan. Malah, banyak kebaikan yang akan diperolehi melalui pematuhan prinsip Syariah sama ada di dunia dan di akhirat. Wallahu alam.

Sekian, terima kasih.



## Sengat cik lebah

Di sebuah balairaya...



Dari segi produknya ana rasa patuh Syariah walaupun tidaklah 100%. Tapi kalau "pejuang-pejuangnya" sendiri yang tak patuh Syariah macam mana pulak? Tengok je la sekaran, pakaian je pun belum tentu Shariah-compliant. Kadang-kadang "terlebih" dari konvensional. Ini patut dipikirkan....

Ana rasa sekaran ni perbankan Islam semakin mendapat sambutan orang ramai, Alhamdulillah. Tapi, betul ke mereka ni 100% patuh Syariah?



# **INDAHNYA PERBANKAN ISLAM: Proses pematuhan Syariah dalam perbankan Islam**

## **SHARIAH-COMPLIANT PROCESS: FROM BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB) PRACTICE AND PERSPECTIVES**

By: Shariah Department & Risk Management Department

The Shariah compliance process of Islamic Banking activities is essential to ensure credibility and reliability of the Islamic banking institution. It differentiates the Islamic banks from its counterparts i.e. the Conventional banks. For this reason, Shariah Governance Framework for Islamic Finance Institution issued by Bank Negara Malaysia has clearly underlined the responsibility of the Bank to ensure that all its products and services, business dealings, business units, support unit and general operation activities meet the requirements of Shariah.

In order to guarantee all the bank's activities and businesses comply with Shariah rules and principles, BMMB has established several functions among others, Shariah advisory, consultancy and research, Shariah compliance review, Shariah training and awareness, Shariah risk and Shariah audit. All the above mentioned functions strengthen Shariah governance within BMMB, at the same time ensuring that BMMB will achieve its vision to become the preferred Islamic financial services provider in terms of Shariah compliant solutions.

In terms of Shariah advisory, consultancy and research function, BMMB plays a vital role in ensuring all the banking products are in accordance with Shariah principle. This is done by providing Shariah advice and assessment for product and operation process prior to approval by Shariah Committee of the Bank. This shall include an end to end processes starting from product concept and modus operandi to product manual, terms and conditions of the legal documentations, marketing advertisements, sale illustrations and product brochures.

Secondly, BMMB also conducts regular assessment on the activities and operations of the Bank with the objective of ensuring that the activities and operations carried out by the Bank do not contravene with Shariah. The function involves the examination and evaluation of the Bank's level of compliance towards Shariah, remedial rectification measures to resolve non-compliances and control mechanism to avoid recurrences.

Thirdly, the Bank also defines and formulates Shariah awareness programmes in order to educate its staff regarding Shariah requirement in Islamic banking and finance. Additionally, awareness programmes are also being conducted nation-wide

in order to educate people on the importance of choosing Islamic banking as their financial solutions.

Fourthly, to avoid shariah risk to the bank, Shariah Risk Management (SRM) is established to ensure that Shariah risk areas of which may interrelate with the operational risk, credit risk and market risk; are proactively identified, assessed, controlled, mitigated, monitored and reported to the Board and Management. In addition, the function is responsible to recommend and formulate necessary Shariah risk management policies and guidelines, as well as inculcate Shariah risk awareness culture in the Bank via training, awareness programme and workshop.

Fifthly, Shariah Audit function is to be performed by internal auditors who have adequate Shariah-related knowledge and skills. Their ultimate goal is to ensure a sound and effective internal control system for Shariah compliance. Internal auditors may also engage the expertise of IFIs' Shariah officers in performing the audit so long as the objectivity of the audit is not compromised.

In a nutshell, the fact that Shariah compliance is being the core and essence of Islamic banking entails that our banking and relevant commercial activities have to be in line with Shariah principles and guidelines. And for the assurance of this principles, emerges the crucial requirement for an integral and comprehensive system, with essential constituents, defined objectives and efficient methodologies and tools, to oversee and control a transparent and sound application of Shariah percepts not only to banks commercial activities, but also its administrative aspect as well.

# PEMATUHAN SYARIAH DALAM PERBANKAN ISLAM

ISLAM adalah agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T. sebagai panduan yang lengkap lagi sempurna meliputi semua aspek kehidupan manusia seperti firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Maidah, ayat tiga (3) yang bermaksud:

“Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku sempurnakan ke atas kamu nikmatKu, dan Aku redha Islam itu sebagai agama bagi kamu”.

Islam sebagai cara hidup yang lengkap bukan sahaja tertakluk kepada hal ibadat ritual tetapi ia juga merangkumi setiap aspek kehidupan termasuk hubungan sesama manusia. Syariah merupakan satu daripada tiga aspek kehidupan. Dua yang lain adalah aqidah (kepercayaan) dan akhlak (moraliti).

Syariah bermaksud perundangan Islam. Perkataan Syariah diambil daripada bahasa Arab bermaksud jalan yang lurus. Syariah kemudiannya dibahagikan kepada dua, Ibadat (Fiqh Al-Ibadah ) dan Muamalat (Fiqh Al-Muamalah). Ibadat melibatkan pengabdian kepada Allah S.W.T. dalam konteks hubungan manusia dengan Allah S.W.T, manakala Muamalat pula melibatkan perkara-perkara yang dilakukan sehari-hari dalam konteks hubungan manusia dengan manusia.

Fiqh Al-Muamalah adalah hukum hakam yang berhubung dengan kegiatan dan tindak tanduk manusia sesama manusia yang membawa kebaikan dalam kehidupan dunia seperti jual beli, sewaan, gadaian, pinjaman dan lain-lain.

Dalam Muamalat, segmen terbesar merupakan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh seseorang dalam sistem ekonominya di mana di dalam sistem ekonomi tadi terdapat kegiatan perbankan dan kewangan.

Dalam sektor perbankan dan kewangan Islam, Syariah atau Perundangan Islam merupakan undang-undang yang digunakan dalam operasi perbankan Islam seiring dengan undang-undang sivil. Walau bagaimana pun, sekiranya berlaku pertembungan di antara Syariah dan undang-undang sivil maka Syariah mesti diutamakan atau didahulukan. Malahan Syariah telah pun diletakkan di kedudukan yang tinggi dengan termaktubnya Akta Bank Islam 1983 di mana seksyen dua (2) akta tersebut mentakrifkan perniagaan perbankan Islam sebagai perniagaan perbankan di mana tujuan dan operasinya tidak melibatkan unsur yang tidak diluluskan oleh agama Islam.

Selain itu, penggunaan Syariah dimantapkan lagi dengan adanya Akta Pelaburan Kerajaan 1983 dan pindaan ke atas beberapa akta sedia ada di antaranya Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949.

Aplikasi Syariah dalam perbankan Islam terus diperkuuhkan lagi dengan berlakunya beberapa kes undang-undang yang dibawa ke mahkamah dan telah diputuskan berpihak kepada perbankan Islam. Antara kes-kes yang terlibat adalah: (i) Tinta Press Sdn Bhd v Bank Islam Malaysia Berhad [1987], (ii) Bank Islam Malaysia

Berhad v Adnan Omar [1994] dan (iii) Dato' Haji Nik Mahmud bin Daud v Bank Islam Malaysia Berhad [1996].

Perkembangan industri perbankan Islam yang begitu pesat sehingga dapat menarik pelabur luar negara menyertai industri perbankan Islam tempatan menunjukkan bahawa Syariah sudah dapat diterima dengan meluasnya oleh semua tanpa mengaitkannya dengan sentimen keagamaan.

Oleh kerana Syariah merupakan paksi kepada perjalanan dan operasi perbankan Islam, sesebuah bank Islam itu perlulah memastikan ia betul-betul mematuhi kehendak Syariah. Ini adalah berdasarkan kepada maksud firman Allah S.W.T. di dalam surah Al-Jaathiyah, ayat 18:

“Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutilah syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).”

Selaras dengan itu setiap bank yang terlibat dalam perbankan Islam dikehendaki mempunyai penasihat Syariah bagi memastikan segala hukum hakam yang berkaitan dipatuhi sepenuhnya. Pada peringkat pengawal selia (regulator) pula, Majlis Penasihat Syariah telah ditubuhkan sebagai autoriti tertinggi berkaitan hal-hal Syariah dalam perbankan Islam dan Takaful. Majlis ini berperanan sebagai penasihat kepada Bank Negara Malaysia (Bank Pusat) dalam memastikan keseragaman pematuhan Syariah di peringkat industri.

Pematuhan kepada Syariah bukan sahaja satu tuntutan agama tetapi telah juga termaktub dalam Akta Bank Islam 1983 di mana seksyen berkaitan perlesenan ada menyatakan antara lainnya, “Bank Pusat tidak akan menyokong pemberian lesen, dan menteri berkenaan tidak akan memberikan lesen, kecuali Bank Pusat atau menteri berkenaan berpuas hati bahawa Jawatankuasa Pengawasan Syariah telah ditubuhkan bagi menasihati bank berkenaan dalam operasi perbankan Islamnya”.

Penubuhan Islamic Financial Services Board dilihat sebagai satu lagi langkah terkini bagi mengukuhkan inisiatif untuk melihat keseragaman pemakaian serta pematuhan Syariah oleh industri perbankan Islam di seluruh dunia.

Usaha bagi memastikan pematuhan kepada Syariah dalam perbankan Islam tidak terhenti di situ sahaja tetapi diteruskan dengan pengukuhan dalaman bank itu sendiri seperti pengambilan pegawai yang berkelayakan dan berhemah tinggi serta memberikan latihan berterusan yang secukup dan sewajarnya.

Dipetik dari: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM)

Sumber: Utusan Malaysia On-Line  
Monday, April 23, 2007

# ISLAMIC ECONOMIST

ere to?



## Dato' Mohd Razif Abd Kadir

Dato' Mohd Razif Abd Kadir is the Deputy Governor of Bank Negara Malaysia (BNM). He graduated with a Bachelor of Economics (Hons) degree from the University of Malaya and obtained his Masters in Business Administration (majoring in Finance) from the Syracuse University, New York, USA.

He joined BNM in 1976 and since then has held various senior positions in BNM. Among others, he was the Chief Representative of the BNM London Representative Office and Director of Bank Regulation Department, BNM. He was seconded to the Labuan Offshore Financial Services Authority (LOFSA) as its Director General from 1999 to 2001.

He oversees the development and regulation of the financial sector, including Islamic finance and the development financial institutions.

He sits on the Board of Directors of Cagamas Berhad (the National Mortgage Corporation) and is also the Chairman of its subsidiary company, Cagamas CMBS Berhad. He is a member of National Trust Fund, the Employees Provident Fund Investment Panel as well as its Risk Management Committee.



# SHARIAH AUDIT IN ISLAMIC FINANCE (PART 1)

By: Muhamad Azhari Wahid

## ABSTRACT

Shariah audit in Islamic financial institutions (IFIs) is still in its early stage. The aim of this article is to detail out the general understanding on Shariah audit and methodology used in conducting Shariah audit exercise. This article will also highlight issues and challenges faced by Shariah audit together with the proposed solutions. In conclusion, it is found that Shariah audit in IFIs still needs further improvement in achieving its main objective in providing reasonable assurance to relevant parties.

Key terms of the research

1. Shariah auditing
2. Islamic banking and finance

## INTRODUCTION

Shariah audit is one of the exercises that must be conducted in order to ensure that the business activities and operations carried out by the IFIs do not contravene with Shariah rules and principles (Syed Alwi, 2007). Shariah auditors, if satisfied will provide their opinions and reasonable assurance that business activities and operations of the IFIs are in accordance with Shariah rules and principles. Business activities and operations here refer to contracts and agreements, products and operational processes, policies and procedures, transactions, memorandum and articles of association, financial statements, reports (especially internal audit and central bank inspection), circulars, technology supporting the operations, people involved in key area of risk and etc (AAOIFI, 2010). In the IFIs, Shariah board (in some countries Shariah Supervisory Board) is a body which issue fatwa or resolutions on Shariah rules and principles.

The legal position of this exercise in Shariah is in line with the concept and principle of hisbah as adopted in the history of Muslim civilisation. Hisbah according to Al-Mawardi is enjoining what is right when it is found to be neglected and forbidding what is wrong when it is found to be practiced. While Al-Ghazali defined hisbah as a comprehensive expression for the duty to enjoin the good and forbid evil (Ahcene Lahsasna, 2010).

From both definitions given by Al-Mawardi dan Al-Ghazali, Shariah audit's function can be considered as one of the hisbah exercises within the Islamic financial system. This is because

Shariah auditors will function as an independent body to check and balance; and at the same time enjoin the good and forbid the evil that occur in the business activities and operations of the IFIs. This article will discuss three important points i.e. general understanding on Shariah audit, methodology of conducting Shariah audit exercise and issues and challenges.

## GENERAL UNDERSTANDING ON SHARIAH AUDIT IN IFIs

Islamic financial system has expanded tremendously and being accepted by customers regardless Muslims or non-Muslims. This matter is believed to be one of the factors that lead to the establishment of several organisations like Accounting and Auditing Organisation for IFIs (AAOIFI) and Islamic Financial Services Board (IFSB) that focus to facilitate the process and contribute towards the regulatory and supervisory framework of Islamic financial system via issuance of guidelines, best practices and standards. One of those guidelines and standards issued is related to Shariah audit. Increasing demand from stakeholders who require assurance of Shariah compliance and accountability in the business activities and operations of the IFIs always hinder to the enhancement of Shariah audit framework.

Generally, we can divide Shariah compliance activities into two phases; ex-ante compliance and ex-post compliance. In the former compliance, activities of advisory and supervision will be done by Shariah board with the assistance of internal Shariah department of the IFIs.

These activities shall include but not limited to ensure that the design of Shariah contracts and product structures, product manuals and procedures, legal documents involved and advertisement (if any) are in compliance with Shariah rules and principles (ISRA, 2010). In Malaysia, the writer believes that all those activities have been fulfilled by most of the IFIs as these are the requirements set by Shariah Governance Framework (SGF) issued by Bank Negara Malaysia (BNM).

However, in the ex-post Shariah compliance activities with special reference to Shariah audit exercise, only a few institutions complied with the requirement. According to the SGF, the scope of Shariah audit exercise shall cover all aspects of IFIs business activities and operations including but not limited to audit and financial statements of IFIs, compliance audit on organisational

structure, people and information technology application systems and review of adequacy of Shariah governance process (BNM, 2011).

In order to carry out Shariah audit assessment, random samples of the above-mentioned areas will be used to ensure their conformity with Shariah rules and principles.

### THE IMPORTANCE AND RATIONALE OF SHARIAH AUDIT IN IFIs

Shariah audit exercise is important to IFIs due to its main objective in providing reasonable assurance that business activities and operations of IFIs do not contravene with Shariah rules and principles. It satisfies Shariah auditors that everything that they examine is Shariah compliant.

As an outcome to reasonable assurance, shareholders and investors obtain comfort that their investment being conducted by IFIs is according to Shariah rules and principles. For sure, income and profits derived from this investment is considered as halal and justified from Shariah point of view. Subsequent to this, it will attract public confidence and increase the number of customers to engage in business relationships with IFIs. This will help IFIs to increase their customers and investors; at the same time boosting their fund base and expand their businesses.

### DUTIES AND FUNCTIONS OF SHARIAH AUDIT IN IFIs

In general, duties and functions of Shariah audit can be divided into two i.e. duties to observe ethics as auditors, and their functions towards Shariah audit exercise.

As a start, we will elaborate further on the duties of auditors to ensure that Shariah audit exercise be conducted in accordance to its code of ethics. This code is mentioned in the AAOIFI's auditing standard No.1, whereby auditors should comply with the Code of Ethics for Professional Accountants issued by AAOIFI, and the International Federation of Accountants. Those ethical principles governing auditors are; righteousness, trustworthiness, fairness, integrity, honesty, objectivity, confidentiality, independence, professional competence and behavior, due care and technical standards. According to the AAOIFI, all the listed principles were found to be not contravening with the Islamic rules and principles (AAOIFI, 2010).

In terms of their functions towards Shariah audit exercise, auditors' functions are related to the scope of audit assigned to them. These shall include but not limited to:

1. To perform Shariah audit exercise in accordance with standards (like auditing standards, Shariah standards, financial standards etc) and requirements as specified by the scope of audit,
2. To gain appropriate and reliable evidence to enable them to draw with reasonable assurance,
3. To plan and perform Shariah audit with professional competence and due care in order to avoid any circumstances which would cause business activities and operations of IFIs to be

wrongly reported. These shall include obtaining relevant evidence and sampling of tested information,

4. To prepare a comprehensive report that provides clear and understandable information to relevant parties.

### QUALIFICATIONS OF SHARIAH AUDITORS

The writer believes that in order to conduct a proper Shariah audit, several qualifications need to be observed by Shariah auditors. With regard to this, it is proposed that the selection of a competent Shariah auditor be based on two main qualifications. This is to ensure that the process of auditing be conducted in the most effective and efficient way.

The first main qualification for Shariah auditor is that the person should have sound knowledge of Shariah rules and principles particularly knowledge on Fiqh Al-Muamalat. It means that they have obtained a formal education on Shariah rules and principles, either at a degree level or professional certificate. This is to ensure that auditors understand Shariah rules and principles especially those issued by Shariah board of the IFIs or Shariah standards which the IFIs subscribe to. If the auditors do not understand those Shariah rules and principles, they might end up with misleading of information and/or misrepresentation when reporting their findings.

The second important qualification is that Shariah auditors should also obtain reasonable knowledge on accounting and auditing, and more importantly operational aspects of the IFIs. This is significant to help Shariah auditors to understand the application of Shariah rules and principles within the operational aspects of the IFIs.

#### References:

1. AAOIFI (2010), Accounting auditing and governance standards for Islamic financial institutions, Manama.
2. Ahcene Lahsasna (2010), Shariah aspects in business and finance, Malaysia: INCEIF.
3. Central Bank of Malaysia (2011), Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions, Malaysia.
4. <http://www.isra.my/media-centre/downloads/finish/33/145/0.html>.
5. Syed Alwi Mohamed Sultan (2007), A mini guide to Shariah audit for Islamic financial institutions – A primer, Malaysia: CERT Publications Sdn. Bhd., First Edition.

\* This article is based on the writer's personal opinion and it is not related to the standpoint and view of the Bank.

# **PEMANTAUAN, KUTIPAN DAN PEMULIHAN HUTANG DARI PERSPEKTIF ISLAM**

Oleh: Jabatan Syariah

## **HUTANG DALAM ISLAM**

Hutang merupakan satu jalan penyelesaian yang diberikan oleh Islam kepada penganutnya bagi memudahkan urusan kehidupan mereka. Beberapa syarat diletakkan oleh para ulama' kepada penghutang dan pemutang supaya kemudahan yang diberikan oleh Islam ini tidak disalahgunakan. Islam menganggap hutang merupakan satu amalan yang dibenarkan ketika wujud keperluan dan kepentingan. Namun Islam tidak menggalakkan berhutang jika bertujuan untuk hidup bersenang-senang dan bermewah-mewahan. Rasulullah S.A.W. pernah berdoa memohon kepada Allah S.W.T. supaya dijauhi daripada hutang dengan sabdanya sebagaimana yang diriwayatkan oleh An-Nasai:

Ertinya: "Ya Allah!, sesungguhnya Aku berlindung kepada-Mu dari dosa dan hutang, lalu bertanya seseorang kepadanya: Alangkah banyaknya doa Engkau meminta jauh dari hutang?, maka Baginda menjawab: "Jika seseorang berhutang, bila berbicara ia dusta, bila berjanji ia memungkiri".

Dalam berhutang kita hendaklah menjaga hak si pemutang dengan mengembalikan sesuatu yang dihutangkan kepada kita. Malah tidak diampunkan dosa orang yang mati sehingga dia melangsaikan hutangnya. Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. pernah bersabda yang bermaksud:

"Diampunkan semua dosa bagi orang mati yang terkorban Syahid kecuali jika ia mempunyai hutang (kepada manusia)."  
[H.R. Muslim]

## **TANGGUNGJAWAB PEMIUTANG DAN PENGHUTANG DARI PERSPEKTIF ISLAM**

Berhutang adalah harus di sisi Islam. Namun, orang yang memberi hutang (pemutang) dan orang yang berhutang (penghutang) mempunyai tanggungjawab masing-masing yang perlu dilaksanakan. Sebagai contoh, seseorang individu membeli kereta melalui institusi perbankan Islam, maka individu tersebut perlu menjelaskan hutang pembiayaannya kepada pihak bank manakala pihak bank pula harus menuntut hutangnya dengan cara yang baik. Antara tanggungjawab umum yang perlu dilaksanakan oleh pemutang dan penghutang adalah seperti berikut:

## **TANGGUNGJAWAB PEMIUTANG DARI PERSPEKTIF ISLAM**

Dianjurkan memberi hutang oleh orang yang mampu: Sekiranya pemberi hutang (pemutang) adalah dari kalangan yang tidak mampu ini boleh memudaratakan diri pemutang sendiri. Contoh seperti seseorang yang mempunyai hutang terhadap orang A yang perlu dibayar, tetapi dalam masa yang sama mahu memberi

pinjam kepada B. Namun sekiranya seseorang itu mampu maka amat digalakkan untuk memberi pinjam kepada orang yang memerlukan seperti sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

"Sesiapa yang memudahkan orang yang berada dalam kesukaran, Allah akan memudahkan ke atasnya urusan dunia dan akhirat".  
[H.R. Ibn Majah]

Mengutip hutang dengan akhlak yang mulia: pemutang juga perlu mengutip hutangnya dengan akhlak yang mulia seperti tidak mengherdik dan mengeluarkan perkataan yang tidak sopan yang boleh menyakiti penghutang. Ini sangat ditekankan oleh Islam bagi menjaga hak kedua-dua pihak iaitu pemutang dan penghutang. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

"Sesiapa yang menuntut satu haknya (seperti hutang) maka tuntutlah dengan cara yang baik tanpa mengira (orang yang berhutang itu) membayar balik atau tidak membayarnya".  
[H.R. Ibn Majah]

Memberi tempoh kepada penghutang: Islam menganjurkan kepada umatnya (pemutang) untuk memberi tempoh kepada penghutang sekiranya dia berada dalam kesusahan dan kesempitan. Malah pemanjangan tempoh akan memberi kelapangan dan kebaikan kepada penghutang dalam menjalankan urusannya. Sabda Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga dia lapang hidupnya".  
[Al-Baqarah 2:280]

Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:  
"Allah S.W.T. merahmati seseorang yang bersikap lapang dada apabila membeli, menjual dan mengutip hutang".  
[H.R. Al-Bukhari]

Menjadikan hutang sebagai sedekah: Amat digalakkan oleh Islam sekiranya hutang yang diberikan dijadikan sebagai satu sedekah. Keadaan ini benar-benar melambangkan Islam sebagai agama yang cukup bertoleransi dan bertimbang rasa. Ianya satu anugerah dan kelapangan kepada orang yang berhutang. Malah pemutang juga akan mendapat ganjaran di sisi Allah Azza Wa Jalla. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka (1) berilah tempoh sehingga dia lapang hidupnya dan (2) (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalaularah kamu mengetahuinya,"  
[Al-Baqarah 2:280]

## TANGGUNGJAWAB PENGHUTANG DARI PERSPEKTIF ISLAM

Hutang adalah satu amanah (perlu membayar hutang): Adalah menjadi satu kewajipan dan amanah kepada penghutang untuk menjelaskan hutangnya kepada pemutang. Antara hadis yang menjelaskan bahawa pentingnya untuk kita melunaskan hutang adalah seperti berikut:

Dari Abu Hurairah r.a.. dia berkata, telah bersabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: "Sekalipun aku memiliki emas sebesar gunung Uhud, aku tidak akan senang jika tersisa lebih dari tiga hari, kecuali yang aku sisihkan untuk pembayaran hutang" (H.R.Muslim)

Berhutang dengan niat yang baik: Selain itu, orang yang berhutang perlulah berhutang dengan niat yang baik iaitu memulangkan semula sesuatu yang dihutangkan kepadanya. Sekiranya dia berhutang dengan tujuan untuk tidak memulangkannya atau menghabiskannya maka Allah akan membinasakannya. Sabda Rasulullah S.A.W:

"Barangsiapa yang mengambil harta orang (berhutang) dengan tujuan untuk membayarnya (mengembalikannya), maka Allah Subhanahu wa Ta ala akan tunaikan untuknya. Dan barangsiapa mengambilnya untuk menghabiskannya, maka Allah S.W.T. akan membinasakannya"

[H.R. Al-Bukhari]

Membayar dengan yang lebih baik: Dalam membayar hutang pula amat digalakkan sekiranya si penghutang membayar dengan yang lebih baik sebagai tanda penghargaan/hadiah (hibah) kepada pemutang yang membantu kita dalam kesusahan. Namun, ia tidak diwajibkan atau menjadi satu keperluan apatah lagi disyaratkan kepada penghutang atau pemutang kerana ia akan berubah kepada riba.

Dari Jabir bin Abdullah r.a. ia berkata: "Aku mendatangi Nabi S.A.W di masjid, sedangkan beliau mempunyai hutang kepadaku, lalu beliau membayarnya dan menambahkannya"

[H.R. Al-Bukhari]

## PERANAN BANK DALAM SISTEM PUNGUTAN/KUTIPAN HUTANG

Bank perlu memainkan peranan yang penting dalam menjalankan sistem pungutan hutang. Antara sebab-sebab pihak bank perlu mengutip balik bayaran hutang daripada pelanggan adalah seperti berikut:

Hak pemegang saham: Pemegang saham diberikan hak khusus termasuk hak untuk bersuara dan hak keuntungan dari pendapatan perusahaan. Dalam situasi bank, pihak Bank adalah suatu badan yang memegang amanah serta bertanggungjawab terhadap para pemegang saham serta pemiliknya, dan seharusnya bekerja untuk keuntungan mereka. Sekiranya Bank tidak dapat membuat kutipan balik bayaran daripada pelanggan, secara tidak langsung ia telah melanggar hak-hak pemegang saham dalam mendapatkan keuntungan atas modal yang disumbangkan.

Hak pendeposit: Dalam memberi pembiayaan kepada pelanggan, pihak Bank biasanya akan menggunakan dana bank termasuklah wang yang didepositkan oleh pelanggan untuk tujuan simpanan atas persetujuan mereka. Malah keberadaan wang pendeposit di dalam akaun sentiasa dijamin oleh Bank. Sekiranya pelanggan

yang membuat pembiayaan tidak membayar amaun yang dibiaya, ia akan menyebabkan bank tidak dapat membuat pusingan atau bayaran balik kepada pendeposit.

Hak-hak yang terkandung dalam aqad/kontrak: Pelanggaran hak dalam aqad/kontrak akan berlaku sekiranya pelanggan tidak membayar pembiayaan yang diterimanya. Contohnya di dalam aqad yang dimeterai, pembiaya (financier/bank) bersetuju untuk memberikan pembiayaan, manakala penerima biaya (customer) bersetuju membayar semula pembiayaan mengikut tempoh yang ditentukan. Penerima biaya dikira telah melanggar hak-hak yang terkandung dalam kontrak sekiranya tidak membayar balik nilai pembiayaannya seperti yang tertera dalam kontrak.

Sebagai kesimpulan, sekiranya bank tidak dapat mengutip balik bayaran pembiayaan daripada pelanggan ia akan memberi kesan kepada operasi bank seperti ketidakcukupan dana bank dalam membuat pelaburan serta memberi pembiayaan kepada pelanggan. Ini akan menyebabkan perniagaan bank terjejas, malah kepercayaan pelanggan terhadap integriti bank juga akan terjejas.

Dalam sistem pungutan hutang, terdapat beberapa pihak yang setia memberi khidmat dalam melancarkan perjalanan kutipan hutang antaranya bahagian Pemulihan (Recovery), Pemantauan (Monitoring), Penyeliaan (Supervision) dan Pungutan (Collection). Antara tugas dan peranan yang perlu dilaksanakan oleh bahagian Pemulihan (Recovery), Pemantauan (Monitoring), dan Penyeliaan (Supervision) adalah seperti:

- Memantau akaun pelanggan-pelanggan yang bermasalah
- Mentadbir dan menguruskan akaun pelanggan yang gagal melunaskan hutang mereka mengikut sepertimana perjanjian
- Bertemu dengan pelanggan-pelanggan yang bermasalah dari sudut pembayaran hutang
- Menguruskan hal ehwal pelanggan yang disenaraikan hitamkan oleh pihak Bank
- Menguruskan pembayaran penyelesaian oleh pihak pelanggan dengan baik
- Menguruskan aspek yang berkaitan dengan pemulihan (recovery) seperti proses mahkamah, proses lelongan.

Di samping itu, bahagian pungutan (collection) juga memainkan peranan penting dalam memastikan pendapatan dan keuntungan bank diterima serta hutang daripada pelanggan dibayar mengikut waktu yang ditetapkan. Antara tanggungjawab dan tugas yang perlu dilakukan oleh bahagian pungutan adalah seperti berikut:

- Menghubungi pelanggan-pelanggan yang mempunyai bayaran tertunggak
- Mengeluarkan surat peringatan kepada pelanggan yang mempunyai bayaran tertunggak
- Menguruskan proses pembayaran tertunggak oleh pihak pelanggan
- Menguruskan proses pembayaran bagi pelanggan yang telah meninggal dunia

Selain itu, dalam kutipan hutang, perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak pemulihan (recovery) adalah seperti menjaga percakapan dengan menggunakan perkataan yang sopan, serta tidak mengherdik. Malah petugas haruslah bertimbangrasa dan membantu mencari jalan penyelesaian bagi pelanggan yang betul-betul memerlukan.

# CONSUMER BANKING PRODUCT BRIEF INFO

## PRODUCT NAME: MUAMALAT ISTISNA' HOME FINANCING (MIHF)

| 1. Introduction       |   |
|-----------------------|---|
| 1.1                   | Istisna' Home Financing is a Shariah based financing facility to finance the construction of houses or shop houses or shop houses on land owned by customer. The facility is offered to All Muslim and Non-Muslim individual and non-individual customers.  |
| 2. Shariah Contract   |   |
| 2.1                   | "Bai' Al-Istisna'" means sale by order. It refers to sales and purchase contract of goods or other items i.e. building(s) etc which will be completed by the developer in the future in which the goods doesn't exist at the time of aqad.  |
| 3. Essential Elements |   |
| 3.1                   | Essential Element of "Al-Istisna" <ul style="list-style-type: none"><li>3.1.1 Orderer (Purchaser)</li><li>3.1.2 Maker (Seller)</li><li>3.1.3 Subject Matter</li><li>3.1.4 'Aqad i.e.Offer (Ijab) &amp; Acceptance (Qabul)</li></ul>   |
| 4. MODUS OPERANDI     |   |
| 4.1                   | Customer will request the Bank to construct his/her house according to a specified approved architecture design at a specific selling price determined by the Bank (cost plus profit margin) to be paid by the customer on an agreed deferred term.   |
| 4.2                   | Istisna' Sales Agreement (hereinafter referred to as ISA) will be entered into by both parties i.e. the customer and the Bank, where the former will act as the buyer and the latter as the seller. By virtue of the ISA, customer will pay specific purchase price determined by the Bank on a staggered basis.  |
| 4.3                   | The Bank thereafter will request another party i.e. contractor to carry out the construction with the specification as in the above ISA. Both parties i.e. the Bank and the contractor will enter into an Istisna' Purchase Agreement (hereinafter referred to as IPA) where the former will act as the buyer and the latter as the seller.                                   |
| 4.4                   | During the construction period, the customer will monitor the progress of the project as stipulated in the Supervision of Contract Agreement.   |
| 4.5                   | Upon completion of the construction, the contractor as the seller in the IPA will handover the completed house to the Bank as the buyer and subsequently the Bank as the seller in the ISA will handover the said house to the customer as the buyer; or with an authorisation from the Bank the contractor will directly handover the completed house to the original buyer. |

# HOW SHARIAH-COMPLIANT IS ISLAMIC BANKING?

By: John Foster, Former editor, Islamic Business & Finance Magazine

The Islamic finance industry has often battled with the question: How Islamic is Islamic banking? The question's pertinence was raised in March 2008 when Sheikh Muhammad Taqi Usmani, of the Accounting and Auditing Organisation for Islamic Finance Institutions (AAOIFI), a Bahrain-based regulatory institution that sets standards for the global industry, said that 85% of Sukuk, or Islamic bonds, were un-Islamic.

Usmani is the granddaddy of modern-day Islamic finance, so having him make this statement is synonymous with Adam Smith saying that free-markets are inefficient.

Because Sukuk underpin the modern-day Islamic financial system, one of its pre-eminent proponents arguing that the epicentre of the system was flawed sent shockwaves through the industry.

It also gave ammunition to the many critics who see Islamic finance as an industry more driven by cultural identity than practical problem solving: as a hodgepodge of incoherent, incomplete, impractical and irrelevant ideas.

## RECOGNISABLE PRODUCTS

The products that modern-day Islamic bankers have created are very similar to conventional products. So similar, in fact, that to an outside observer they could be considered the same.

Islamic banks now offer Islamic mortgages, Islamic car financing,

Islamic credit cards, Islamic time deposit and guaranteed return accounts, Islamic insurance and some even offer Islamic managed hedge funds.

This point is conceded by Samir Alamat, Shariah, or Islamic law, compliance and product development manager of the Islamic Bank of Britain.

"The industry does not want to alienate its products," he says. "They have to be recognisable, produce the same outcome as conventional products, but remain within the guidelines of Shariah."

## NO INTEREST

The core of Islamic economics is a prohibition on interest. This immediately creates a problem for Islamic banks, as conventional banks charge borrowers an interest rate through which they can reward their depositors and make some profit for being the broker.

With interest ruled out it is harder to make money. The modern Islamic banker has found a way around this prohibition, however. As in many Islamic products, the bank enters a partnership with its depositors and invests his money in a Shariah compliant business.

The profit from this investment is then shared between the depositor and the bank after a set time. In many cases this "profit rate" is competitive with the conventional banking system's interest rate for savers.



## LEASE AGREEMENTS

Alternatively, an Islamic banker might enter into a lease agreement for a car or a house with an individual. The bank would buy a vehicle outright and then lease it back to the person who wanted it, over a time period that would ensure that the capital was repaid and the bank made a profit.

Alternatively the bank would enter into a partnership with a person wanting to buy a house. The bank would buy 70% of the house, the individual 30%. The bank then rents its share of the house back to the individual until the house is fully paid for.

The bank makes a profit on the rent, which would be higher than equivalent rents in the area, but on an annualised percentage basis, would look very much like a conventional mortgage interest rate.

To the casual observer, a spade is a spade. Whether the product is dressed up in Arabic terminology, such as Mudarabah, or Ijarah, if it looks and feels like a mortgage, it is a mortgage and to say anything else is semantics.

## SOPHISTICATED FINANCE

The potential wealth locked up in oil-rich Gulf states encouraged the conventional banks to enter Islamic finance.

HSBC established the Amanah Islamic Finance brand in 1998 and Deutsche Bank, Citi, UBS and Barclays quickly joined the fray, all offering interest-free products for wealthy Arabs.

However, these new generations of Islamic bankers had cut their teeth in the City and Wall Street, and were used to creating sophisticated financial products.

They often bumped heads with Shariah scholars who authorised their products as Shariah compliant. However, these bankers had a way of dealing with this, as one investment banker based in Dubai, working for a major Western financial organisation explains:

"We create the same type of products that we do for the conventional markets. We then phone up a Shariah scholar for a Fatwa [seal of approval, confirming the product is Shariah compliant]."

"If he doesn't give it to us, we phone up another scholar, offer him a sum of money for his services and ask him for a Fatwa. We do this until we get Shariah compliance. Then we are free to distribute the product as Islamic."

## NO CONSENSUS

This "Fatwa shopping", which was carried out by some institutions, brings us back to Shariah scholars. Even these scholars do not agree all the time, which means that in some cases a product is deemed Shariah compliant in one market and not in another. This is especially the case with Malaysian products, which are

often deemed not Shariah compliant in the more austere Gulf.

"Often no rulings exist for modern day problems, such as use of narcotics," Alamad explains.

"In Islam intoxication by wine is forbidden, but at the time of the Prophet Mohammed there was no crack cocaine."

Modern scholars had to interpret the rules on intoxication, and the consensus was that crack should also be forbidden to Muslims, as it is a dangerous intoxicant.

"This is how we make rulings, whether in finance or societal," Alamad says. "The consensus rules, which usually will become mandatory for all Muslims to follow, but there are some opinions and sometimes scholars are not in the consensus."

## BANKING IS BANKING

This makes it more important to be in the consensus and so getting a favourable ruling from a leading Shariah scholar is important for a product manager. That is why the top scholars can earn so much money - often six-figure sums for each ruling. The most creative scholars are the ones in the most demand, says Tarek El Diwany, analyst at London-based Islamic financial consultancy Zest Advisory.

"To date, most Islamic financiers have been looking at examples of financing in Islamic history and figuring out how to apply them to today's financial products."

But banking is banking. It is the taking of a deposit and then using it to finance a purchase or business. The lender pays the depositor compensation for the opportunity cost of his money, and the person borrowing the money "rents" it off the bank.

The same symbiotic relationship occurs whether it is conventional banking, ethical banking, Islamic banking or Presbyterian banking. As Majid Dawood, Chief Executive of Yasaar, a UK-based Islamic finance consultancy says: "Everything that is not forbidden in the Holy Qur'an is OK."

"Yes, the industry has to evolve, but it is only 40 years old and its competing with a conventional finance system that is over 800 years old."

Source:

<http://news.bbc.co.uk/go/pr/fr/-/2/hi/business/8401421.stm>  
: BBC NEWS

# PERBANKAN ISLAM

## ADALAH KESINAMBUNGAN UNIK ANTARA PEMATUHAN PRINSIP SYARIAH DENGAN 'URUF AL-IQTISADIYYAH (AMALAN KEBIASAAN EKONOMI)

Islam begitu sempurna dalam menetapkan setiap hukum sebagai panduan manusia sebagaimana jelas diilhamkan berdasarkan Al-Quran dan sunnah. Para fuqaha silam dan kontemporari giat membahaskannya bagi membantu memudahkan urusan semasa umat manusia. Keindahan Islam kian terpancar apabila Islam tidak menolak uruf atau adat masyarakat setempat sebagai amalan. Namun, garis panduannya perlulah selari dengan kehendak syara'.

Doktrin Al-Uruf dikelasifikasi sebagai sumber yang tidak disepakati penggunaannya oleh ulama. Namun begitu, doktrin Al-Uruf sebenarnya banyak mempengaruhi unsur-unsur penentuan hukum bagi sesuatu kes terutama dalam fiqh muamalah. Hukum yang disandarkan kepada uruf boleh mengalami perubahan sekiranya uruf yang disandarkan itu berubah. Instrumen pasaran kewangan Islam di Malaysia pula diasaskan oleh prinsip-prinsip muamalah yang telah wujud dalam buku-buku silam. Namun, prinsip-prinsip muamalah ini tidak dipindahkan secara terus daripada pendapat ulama silam, tetapi dikaji dan dinilai berdasarkan uruf tempatan.

Dalam proses ini, hukum-hukum fiqh muamalah klasik yang kebanyakannya bersandarkan kepada uruf tempatan mereka telah mengalami perubahan apabila disandarkan kepada uruf urus niaga kewangan Islam yang moden.

Dalam konteks ini, Ibn Al-Qayyim berpendapat kegagalan memberikan tindak balas yang tepat terhadap perubahan ini akan menyebabkan berlakunya ketidakadilan". Menurutnya: "Interpretasi undang-undang sewajarnya berubah selari dengan perubahan masa, tempat, dan keadaan. Namun adat pengabaian fakta ini akan mengakibatkan ketidakadilan kepada Syariah dan menyebabkan timbulnya banyak kesukaran dan kepayahan."

Terdapat beberapa kaedah yang digariskan oleh Dr. Abd Al-Karim Zaydan bagi melayakkan uruf dijadikan sebagai hujah dalam muamalah dimana mengambil kira uruf yang baik, uruf yang dijalankan secara berterusan sehingga mencapai persepakatan di kalangan masyarakat setempat, uruf yang disepakati dan tidak mendapat tentangan fuqaha, uruf yang tidak bertentangan dengan hukum syarak, uruf yang menjadi pilihan masyarakat setempat (paling biasa diamalkan), uruf yang masih diamalkan secara berterusan dan uruf yang tidak melibatkan perbuatan dan perkataan yang salah.

Terdapat beberapa contoh semasa yang diperlakukan dalam perbankan Islam dimana adat dikira perujuk dalam sesuatu transaksi; Sebagai contoh:

1. Dalam akad kontrak jual beli, para ulama daripada mazhab Syafii telah mensyaratkan supaya lafaz ijab dan qabul digunakan

sebagai pengesahan terhadap persetujuan kedua-dua belah pihak dalam urus niaga. Hal ini kerana uruf pada masa itu tidak kuat untuk menyokong bentuk persetujuan secara senyap. Selain itu, fiqh klasik kelihatan mensyaratkan supaya kedua-dua pihak yang berurus niaga wujud ketika majlis akad berlaku. Uruf tidak membenarkan pihak yang berurus niaga tiada sewaktu akad kerana dikhawatir sukar dihubungi. Situasi berbeza dengan uruf kini yang mana urus niaganya semakin kompleks serta dengan bantuan teknologi komunikasi yang canggih, tidak lagi memerlukan pihak berakad berada dalam satu majlis.

2. Jual beli melalui tempahan seperti menempah pakaian, makanan dan sebagainya dengan didahului bayaran manakala barang akan diserahkan kemudian setelah tempahan tersebut selesai. Dalam konteks perbankan, pembiayaan perumahan turut melaksanakan konsep jual beli ini.

3. Penggunaan sistem komputer dalam pelaksanaan urus niaga pasaran kewangan dapat menjamin ketepatan urus niaga dan meningkatkan kemampuan pasaran serta dapat mengelakkan daripada berlakunya penipuan atau pemalsuan dokumen. Sistem Depositori Pusat (CDS) mula dilaksanakan pada 1983 dengan penubuhan Securities Clearing Automated Network Services Sdn. Bhd. (SCANS). CDS adalah sistem dagangan tanpa skrip untuk memperbaiki kecekapan perdagangan dan sistem penyelesaian dan membolehkan BSKL menguruskan jumlah dagangan yang lebih besar. CDS juga membantu mengelakkan daripada berlakunya kecurian skrip, pemalsuan, pengubahan kandungan dan kesilapan cetakan. Pada tahun 1989 pula, sistem yang menggantikan laungan terbuka, System on Computerised Order Routing and Execution (SCORE) dilaksanakan.

4. Jualan barang yang tidak wujud. Dalam konteks rukun akad, kewujudan subjek akad atau barang menjadi asas ketika kontrak itu berlangsung. Dalam hal ini, para sarjana berpendapat bahawa uruf berperanan sama ada barang itu perlu wujud semasa akad atau tidak.

5. Peletakan penasihat Syariah sepenuh masa dalam perbankan atau institusi kewangan Islam bagi menjamin sekuriti instrumen tersebut selari dengan perkembangan pasaran kehendak syariat.

6. Pengenalan dinar emas sebagai matawang tidak dimungkinkan oleh pihak berautoriti kerana hanya Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai bank pusat sahaja yang mempunyai autoriti untuk berbuat demikian maka alternatif yang ada ialah menjadikan dinar emas sebagai suatu medium penyimpanan (alat Al-Iddikhar) dan medium pelaburan (alat Al-Istithmar) sahaja.

7. Sekiranya telah menjadi kebiasaan dalam masyarakat bagi seseorang yang membeli barang berat seperti almari dan

perabot, kos penghantaran adalah ditanggung oleh penjual dan diterima di rumah. Sekiranya wujud salah faham maka dirujuk pada adat kebiasaan.

8. Seseorang membeli barang dengan membayar deposit atau pendahuluan sahaja. Namun sebelum dia mengambilnya, harga telah naik. Penjual tidak boleh membatalkan jual beli itu atau menjual barang tersebut kepada orang lain dengan alasan jual beli belum terlaksana sepenuhnya. Ini kerana adat kebiasaan masyarakat, setelah dibayar sebahagian daripada jumlah harga barang, dikira berlaku akad. Untuk itu, adat dikira sebagai petunjuknya.

9. Penggunaan kad kredit kini terutama di dalam urusan jual beli sudah dianggap sebagai adat atau uruf. Sehingga setiap individu yang bekerja ada memiliki sekurang-kurangnya satu kad kredit. Kebanyakan kedai-kedai terutama gedung yang besar kini menawarkan perkhidmatan bayaran menggunakan kad kredit. Walaupun di pihak pembeli, penggunaan kad kredit adalah bayangan kepada akad hutang tetapi di pihak penjual, penggunaan kad kredit diterima kerana mereka akan mendapatkan tunai apabila bil kad kredit tersebut dikemukakan kepada pihak bank. Penerimaan kad kredit sebagai bayaran pada mereka adalah sama seperti bayaran tunai.

10. Kad debit bermaksud kad tunai yang digunakan oleh pelanggan sebuah bank untuk urusan pembayaran di kedai-kedai yang menawarkan perkhidmatan tersebut. Melalui penggunaan kad debit, para pelanggan tidak perlu membayar tunai sebaliknya jumlah yang akan dikenakan itu ditolak secara langsung dari akaunnya di bank.

11. Dalam aspek kawalan dan penyeliaan, pasaran kewangan di Malaysia dikawal ketat oleh dua badan utama; Bank Negara Malaysia mengawal urusan pasaran wang dan pertukaran wang asing, manakala Suruhanjaya Sekuriti pula mengawal selia urusan pasaran modal dan pasaran niaga hadapan.

12. Aspek perundungan digunakan bagi memastikan segala bentuk urus niaga berlaku dalam pasaran adalah tidak membawa kepada unsur penipuan, dan kerugian yang besar. Antara akta yang diperkenalkan dalam pasaran modal ialah Akta Suruhanjaya Sekuriti (pindaan) 2000 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993. Dalam pasaran wang, BNM telah memperkenalkan Kod Tatacara untuk Prinsipal dan Broker bagi Pasaran Wang dan Pertukaran Mata Wang pada tahun 1994, bagi meningkatkan taraf profesionalisme broker pasaran.

13. Penggunaan CDS menjadikan uruf masyarakat pelabur menganggap ketidakwujudan pembeli dan penjual saham bukanlah satu perkara yang menimbulkan kesan negatif (dalam aktiviti perniagaan lain mungkin ia negatif) bahkan memberi kemudahan kepada urus niaga mereka. Ini kerana penjual telah bersetuju untuk menjual saham kepada sesiapa sahaja yang bersetuju dengan harga saham yang dijual dan begitu juga pembeli yang bersetuju dengan harga yang mahu dibeli daripada mana-mana penjual yang bersetuju dengan harga yang mahu dibeli daripada mana-mana penjual yang bersetuju dengan harga itu. Sistem komputer akan memadankan kehendak mana-mana pembeli dan penjual secara tepat dan menghasilkan transaksi

moden yang jauh lebih kompleks dan canggih berbanding aktiviti perniagaan dalam uruf silam yang mudah sudah tentu memberikan implikasi yang besar terhadap hukum.

14. Instrumen Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (CPO) telah dikaitkan dengan situasi gharar ini, di mana menurut teori fiqh klasik, kontrak yang barangannya tidak wujud boleh menimbulkan ketidakpastian tentang kewujudannya atau keuntungan yang bakal diperolehi. Namun realiti semasa menghapuskan segala bentuk gharar dalam instrumen ini. Apabila kontrak niaga hadapan CPO dilaksanakan, perkara seperti jenis, harga dan penyerahan telah dimaklumkan kepada peserta pasaran. Bahkan aspek-aspek pengawalseliaan dan perundungan (di bawah akta FIA 1993, Business Rules Exchange and Clearing House) telah disediakan bagi memastikan tidak berlaku sebarang penipuan yang mendedahkan kepada risiko kerugian kepada peserta pasaran. Sebagai kesimpulan, perkembangan teknologi maklumat, sistem pasaran berkomputer, aspek perundungan yang lengkap telah banyak mengubah persepsi uruf terhadap urus niaga yang mengandungi gharar.

15. Isu Bai' Al-Ma'dum (jualan sesuatu yang tidak wujud) telah dikaitkan dengan instrument *Transferable Subscription Rights* (TSR) iaitu kontrak hak langganan bagi kuantiti saham yang bakal dilanggan oleh pemegang TSR kerana saham-saham itu masih baru dan belum diterbitkan. Berasaskan kepada illah Bai' Al-Ma'dum yang disebutkan iaitu gharar kerana uruf pasaran telah mengetahui tentang kuantiti, sifat, kadar, jenis dan harganya yang telah pasti dan pihak syarikat akan mewujudkan saham baru pada tempoh yang telah ditentukan dan dikawal selia oleh perundungan (di bawah akta FIA 1993, Business Rules Exchange and Clearing House). Justeru, Al-Ma'dum sebenarnya dibenarkan. Kesimpulannya, Al-Ma'dum pada suatu ketika adalah dilarang kerana pada uruf mereka lebih membawa ke arah penipuan, tetapi pada uruf sekarang, tidak lagi sedemikian bahkan Bai' al-madum kerap berlaku dalam kehidupan sehari-harian.

16. Dalam urusan jual beli, Al-Urbun bermaksud wang pendahuluan yang diberikan oleh pembeli kepada penjual dalam sesuatu akad jual beli. Sekiranya jual beli diteruskan, wang pendahuluan ini akan menjadi sebahagian daripada harga barang. Jika tidak, maka wang ini dianggap sebagai hadiah (hibah) daripada pembeli kepada penjual. Contohnya A ingin membeli motosikal berharga RM5,000 daripada pengedar. Sebagai tempahan pembelian, A memberi kepada pengedar 10% daripada harga keseluruhan kereta tersebut iaitu sebanyak RM500 sebagai deposit dan disyaratkan pengedar tidak akan menjualnya kepada orang lain dalam tempoh yang ditetapkan untuk pembelian berlaku. Dan sekiranya A membatalkan hasratnya untuk membeli kereta tersebut, dia tidak dapat mengambil semula depositnya. Kalau pembelian diteruskan, A hanya perlu membayar baki RM 4,500 selepas ditolak wang pendahuluan RM 5,000. Dalam instrumen pasaran wang dan modal, instrumen pasaran hadapan seperti opsyen, waran dan TSR adalah berdasarkan kepada konsep Bai' Al-Urbun ini. Majoriti para fuqaha silam tidak mengharuskan Bai' Al-Urbun kerana terdapat unsur-unsur gharar dalam urus niaga di mana penjual mendapat keuntungan tanpa apa-apa pertukaran barang dan ini telibatkan unsur gharar. Namun dengan melihat kembali kepada perbincangan mengenai gharar dalam urus niaga seperti ini kerana syarat deposit itu dibuat oleh pembeli dan dipersetujui bersama oleh penjual dan pembeli. Penjual sebenarnya telah

kehilangan peluang untuk menjual barang kepada orang lain dalam tempoh perjanjian belian itu dan sewajarnya mendapat ganti rugi sekiranya barang itu tidak dibeli oleh pembeli. Urus niaga bentuk ini telah lama diperaktikkan oleh uruf masyarakat tanpa apa-apa risiko yang terpaksa ditanggung oleh pembeli dan penjual. Bahkan dengan adanya Bai' Al-Urbun, urus niaga akan menjadi lebih lancar kerana terdapat konsep sama-sama menang atau 'win-win situation' antara pembeli dan penjual.

17. Penggunaan prinsip *Al-Dayn* (penjualan hutang) dalam pembiayaan kereta. Bank Muamalat telah membiayai pembelian sebuah kereta yang dibeli oleh A dan dengan ini A telah berhutang kepada Bank Muamalat dengan harga kereta RM60,000 dan dibayar dalam tempoh 10 tahun. Sekiranya A mahu menjelaskan hutangnya dalam tempoh lebih dekat, katakan 5 tahun, diskaun dalam bentuk *muqassah* diberikan sebagai diskaun kerana mempercepatkan bayaran, katakan sebanyak RM8,000 menggunakan prinsip Da' Wa Ta'ajjal (pengurangan hutang akibat mempercepatkan tempoh pembayaran balik hutang). Dalam masa yang sama, Bank Muamalat telah mensekuriti hutang tersebut dalam bentuk sijil hutang (*syahadah Al-Dayn*) sebagai bukti hutang A sebanyak RM60,000. Sekiranya ada pihak ketiga yang mahu menjelaskan hutang bagi pihak A secara Ibra' Al-Dayn (pelepasan hutang), pihak itu akan diberikan *muqassah* (diskaun) sebanyak RM10,000. Dan apa yang berlaku sebenarnya ialah Bank Muamalat telah menjual hutangnya kepada pihak ketiga untuk mendapatkan kecairan wang. Hutang seterusnya dilangsaikan oleh A dengan pihak ketiga dalam tempoh 10 tahun. Pengharusan prinsip ini adalah disebabkan iaanya dapat mengurangkan risiko pembeli hutang.

18. Dalam konteks perniagaan instrumen di pasaran kedua di Malaysia, instrumen sekuriti hutang yang dibentuk daripada prinsip Bai' Al-Dayn ini adalah dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC), bagi menjaga hak pihak yang terbabit dalam akad berkenaan. Ini menjadikan uruf boleh menerima Bai' Al-Dayn di Malaysia sebagai bentuk urus niaga selamat daripada risiko penipuan atau kegagalan pembayaran. Sebarang bentuk risiko yang disebutkan oleh mazhab Hanafi telah terhapus dengan adanya pengawal seliaan ini. Bahkan segala bentuk syarat yang melibatkan kemaslahatan pembeli hutang dalam mazhab Maliki telah dipenuhi.

19. Penerimaan *qabd* dalam konteks pasaran kewangan dimana konsep *qabd hukmi* banyak menyentuk isu-isu seperti Bai' Al-Dayn, kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (CPO) dan urus niaga kontra. uruf pasaran akan menentukan kaedah dan bentuk *qabd* yang berlaku dalam urus niaga instrument pasaran kewangan ini.

20. Penentuan nisbah pembahagian keuntungan dalam kontrak mudarabah adalah dirujuk kepada uruf pasaran tempatan. Kesimpulannya, perubahan masa menyebabkan wujudnya kepada perubahan kemaslahatan dan keperluan hidup manusia. Justeru hukum *ijtihad* yang dibina atas dasar adat atau mempunyai hubungkait dengan adat iaitu segala hukum yang berdasarkan kebiasaan akan turut berubah dengan sebab berubahnya adat kebiasaan hidup masyarakat tersebut. Penelitian yang khusus perlu dilaksanakan bagi membantu memenuhi keberkesanan hubungan Allah S.W.T. dan manusia terjalin erat.

Namun illah hukum tidak boleh berubah. Apa yang berubah ialah

pentafsiran tentang kewujudan illah dalam sesuatu perkara. Boleh jadi illah itu wujud dalam satu-satu urus niaga pada zaman dahulu, tapi sekarang illah itu sudah lagi tidak wujud atau mungkin sebaliknya. Dalam disiplin ilmu usul fiqh, proses merealisasikan illah atau disebut sebagai *ijtihad tahqiq al-manat*. Dalam hal ini, illah itu sudah wujud dan tidak berubah, tetapi uruf masyarakat akan menentukan sama ada sesuatu kontrak itu mengandungi illah yang telah ditetapkan atau sebaliknya. Proses ini menurut al-Syatibi adalah berterusan dan tidak boleh berhenti, agar kelangsungan syariat Allah S.W.T. juga kekal diamalkan sehingga hari kiamat.

Menurut Al-Qaradawi, pengiktirafan terhadap Al-Uruf sebenarnya dipengaruhi oleh maqasid Syariah atau maslahah. Hal ini kerana Islam adalah agama yang mudah dan tidak didatangkan untuk menyusahkan manusia. Walaupun begitu, para sarjana perundangan Islam hanya membenarkan pengutamaan terhadap uruf, sekiranya uruf itu telah wujud sebelum datangnya nas. Sekalipun Syariah Allah S.W.T. adalah kekal dan satu, namun hukum-hukum cabangnya tidak ditegah daripada perlakunya perubahan demi kebaikan manusia sejagat.

\* Ahmad Sufyan Che Abdullah merupakan pensyarah di Jabatan Syariah dan Pengurusan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Beliau kini sedang menyambung PHDnya di Mesir. sufyans@um.edu.my

# JUMLAH AYAT YANG TERDAPAT DI DALAM AL-QURAN

## Pendapat-pendapat Mengenai Bilangan Ayat

Di dalam Kitab "At-Tibyan" karangan Imam An-Nawawi, disebutkan jumlah ayat Al-Quran disepakati jumlahnya ialah enam ribu dua ratus ayat lebih. Hanya jumlah penambahannya diperselisihkan di kalangan ulama Al-Quran. Perbezaannya umumnya dapat dilihat melalui ulama-ulama daripada daerah-daerah berikut:

- Ulama Madinah yang kedua seperti yang diriwayatkan Syaibah penambahannya adalah empat belas ayat, dan seperti yang diriwayatkan Abu Ja far adalah sepuluh ayat.
- Ulama Makkah penambahannya adalah dua puluh ayat
- Ulama Kufah seperti yang diriwayatkan Asim ialah 6236 ayat
- Ulama Basrah adalah lima ayat
- Ulama Syam atau Syria adalah dua puluh enam

Pada hari ini kebanyakan umat Islam membaca riwayat Hafs daripada Imam Asim (Hafs 'An 'Asim) sebagai amalan termasuklah Negara kita Malaysia.



### Mengapa ulama berbeza pendapat tentang bilangan ayat?

Sebenarnya tidak ada yang beza di dalam ayat Al-Quran. Semua pendapat di atas berasal dari ayat-ayat Al-Quran yang sama. Yang berbeza adalah ketika menghitung jumlahnya dan menetapkan apakah suatu potongan kalimah itu menjadi satu ayat atau dua ayat.

Ada orang yang menghitung dua ayat menjadi satu. Dan sebaliknya juga ada yang menghitung satu ayat jadi dua. Padahal kalau dibaca semua lafaz Quran itu, semuanya sama. Tidak ada yang berbeza.

### Mengapa menjadi berbeza dalam menentukan apakah satu lafaz itu satu ayat atau dua ayat?

Jawabnya adalah dahulu Rasulullah S.A.W. terkadang diriwayatkan berhenti membaca dan menarik nafas. Pada saat itu timbul anggapan pada sebahagian orang bahwa ketika Nabi menarik nafas, di situ lah ayat itu berhenti dan habis. Sementara yang lain berpandangan bahawa Nabi S.A.W. hanya sekedar berhenti menarik nafas dan tidak ada kaitannya dengan berhentinya suatu ayat. Nabi S.A.W. ketika itu juga tidak menjelaskan kenapa beliau menarik nafas dan berhenti. Dan tidak dijelaskan juga apakah berhentinya itu menunjukkan penggalan ayat, atau hanya semata-mata menarik nafas kerana ayatnya panjang. Selain itu ada ulama yang menghitung kalimat "bismillahirrahmnirrahim" di awal surat sebagai ayat, dan ada pula yang tidak hanya menghitung "bismillahirrahmanirrahim" pada surat Al-Fatihah saja sebagai bahagian ayat Al-Quran, ini juga boleh mempengaruhi perhitungan.

Perbezaan dalam menghitung jumlah ayat ini sama sekali tidak merosakkan Al-Quran. Kesnya sama dengan perbezaan jumlah halaman mushaf dari berbagai versi percetakan. Ada mushaf yang nipis dan sedikit kandungan muka surat, tapi ada juga mushaf yang tebal dan mengandungi banyak muka surat. Yang membezakannya adalah ukuran font, jenis dan tata letak (lay out) halaman mushaf. Tidak ada ketetapan dari Nabi S.A.W. bahawa Al-Quran itu harus dicetak dengan jumlah halaman tertentu.



# MUM, WHY ISLAMIC FINANCE?

By: Rushdi Siddiqui

LET'S take a break from sukuk structuring and stock screening, and talk about the children of parents in Islamic finance. They may well be the industry's future. We come from parents that were traditional bankers, engineers, physicians, scientists, journalists, merchants, civil servants, politicians, regulators, academics, and so on. And growing up, Islamic finance was probably not on our radar screen as a career. Today, the questions raised by students at university lectures imply Islamic finance does not capture the attention or imagination of many young people. It does not seem to pass their personal "gut" test of authenticity, let alone have impact investing/funding purposes for those who need it most, the "bottom of the pyramid".

## The Talk

To elaborate, at what age do we inform them about Islamic finance and, more importantly, will they understand? It seems such a dilemma exists in "adult" Islamic finance with Muslim financial illiteracy very high, as the industry is always talking about education. Maybe the content message on Islamic finance education needs to be done professionally and with a single information by an industry body. One universal message by one voice! The story could start with how you, the parent, got into Islamic finance. How did you hear about Islamic finance? Did you read about it in the Quran and Hadith on prohibition against interest? Was it recommended by a colleague/friend/mentor? Were you a customer of Islamic finance? Was it by design, job opportunity, luck, etc?

The "adventure side" of Islamic finance has appeal to children, much like their class trips to the zoo, museum, sporting events, plays, etc. Then, finally, explain to "junior" how a career in Islamic finance will not only serve God, but also could bring about social justice, financial inclusion, distribute wealth, and address the general public good.

## Change Agents

Today's youth are more socially conscious and social media

savvy, and will look at Islamic financial institutions that are most admired. As the best place to go to after college/university, or may be drawn in by a charismatic executive. For some children, they will want to follow the footprint of their parents, because it's interesting or easier (connections exist), while others will ask themselves, "how do I explain this on career day?" Thus, what's the "pull factor" to Islamic finance? Is it becoming an Islamic investment banker and doing multi-billion dollar deals much like in Wall Street? Islamic hedge fund manager? Is it running a mega Islamic bank? Is it building and running a multi-billion dollar Islamic private equity or venture capital fund? Is it building an Islamic version of Grameen bank?

What about becoming a syariah scholar? Is it the "power" and influence they have? Is it the money they make by sitting on many boards, according to the Funds-at-Work study? What about second generation syariah scholars?

Only one comes to mind. Brother Imran Usmani, the son of the Justice (retired) Mohammad Taqi Usmani of Pakistan.

## Education

Today, the emphasis seems to be on offering Islamic finance courses at college/university or continuing education levels. It needs to be offered earlier, at the high school levels. Although not one of the five pillars of Islam, it should be offered at Sunday Islamic schools as it is as important as learning about consuming halal foods. The more important point is to offer exposure to Islamic finance, as the young mind is overloaded to many secular distractions and opportunities.

## Conclusion

Bank Negara Malaysia governor Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz may have gotten it right when she said: "Our new Financial Sector Blueprint ... We have also gone in a very major way into financial education and literacy to raise the level starting from the schools to factory workers and housewives on how to manage finances." One wonders if the motto, "No child left behind", coming from education area, has application for an Islamic banking parent? As potentially second generation Islamic bankers, these children could start an Islamic banking family dynasty!

The writer is global head of Islamic finance for Thomson Reuters based in New York.

Adapted from: Mum, why Islamic finance? [http://www.btimes.com.my/Current\\_News/BTIMES/articles/20120131010914/Article/index\\_html#ixzz1I0WS2cqL](http://www.btimes.com.my/Current_News/BTIMES/articles/20120131010914/Article/index_html#ixzz1I0WS2cqL)

# SYUMULNYA ISLAM

## NABI MUHAMMAD S.A.W. DENGAN PENGEMIS BUTA

"Wahai saudaraku! Jangan engkau dekati Muhammad itu. Dia orang gila. Dia pembohong. Dia tukang sihir. Jika engkau mendekatinya, engkau akan dipengaruhinya dan engkau akan menjadi seperti dia," kata seorang pengemis buta Yahudi berulang-ulang kali di satu sudut pasar di Madinah pada setiap pagi sambil tangannya menadah meminta belas orang yang lalu-lalang.

Orang yang lalu-lalang di pasar itu ada yang menghulurkan sedekah kerana kasihan malah ada juga yang tidak mempedulikannya langsung.

Pada setiap pagi, kata-kata menghina Rasulullah S.A.W. itu tidak lekang daripada mulutnya seolah-olah mengingatkan kepada orang ramai supaya jangan terpedaya dengan ajaran Rasulullah S.A.W. Seperti biasa juga, Rasulullah S.A.W. ke pasar Madinah. Apabila baginda sampai, baginda terus mendapatkan pengemis buta Yahudi itu lalu menuapkan makanan ke mulutnya dengan lembut dan bersopan tanpa berkata apa-apa. Pengemis buta Yahudi yang tidak pernah bertanya siapakah yang menuapkan itu begitu berselera sekali apabila ada orang yang baik hati memberi dan menuapkan makanan ke mulutnya. Perbuatan baginda itu dilakukannya setiap hari sehingga baginda wafat. Sejak kewafatan baginda, tidak ada sesiapa yang sudi menuapkan makanan ke mulut pengemis itu setiap pagi.

Pada satu pagi, Saidina Abu Bakar r.a. pergi ke rumah anaknya, Siti Aisyah yang juga merupakan isteri Rasulullah S.A.W. untuk bertanyakan sesuatu kepadanya.

"Wahai anakku Aisyah, apakah kebiasaan yang Muhammad lakukan yang aku tidak lakukan?", tanya Saidina Abu Bakar r.a. sebaik duduk di dalam rumah Aisyah.

"Ayahandaku, boleh dikatakan apa sahaja yang Rasulullah lakukan, ayahanda telah lakukan kecuali satu," beritahu Aisyah sambil melayan ayahandanya dengan hidangan yang tersedia.

"Apakah dia wahai anakku, Aisyah?"

"Setiap pagi Rasulullah akan membawa makanan untuk seorang pengemis buta Yahudi di satu sudut di pasar Madinah dan menuapkan makanan ke mulutnya. Sejak pemergian Rasulullah, sudah tentu tidak ada sesiapa lagi yang menuapkan makanan kepada pengemis itu," beritahu Aisyah kepada ayahandanya seolah-olah kasihan dengan nasib pengemis itu.

"Kalau begitu, ayahanda akan lakukan seperti apa yang Muhammad lakukan setiap pagi. Kamu sediakanlah makanan yang selalu dibawa oleh Muhammad untuk pengemis itu," beritahu Saidina Abu Bakar r.a. kepada anaknya.

Pada keesokan harinya, Saidina Abu Bakar r.a. membawakan makanan yang sama seperti apa yang Rasulullah S.A.W. bawakan untuk pengemis itu sebelum ini. Setelah puas mencari, akhirnya beliau bertemu juga dengan pengemis buta itu. Saidina Abu Bakar r.a. segera menghampiri dan terus menuapkan makanan ke mulut pengemis itu.

"Hei... Siapakah kamu? Berani kamu menuapku?" Pengemis buta itu mengherdik Saidina Abu Bakar r.a. Pengemis buta itu terasa lain benar perbuatan Saidina Abu Bakar r.a. itu seperti kebiasaan.

"Akulah orang yang selalu menuapmu setiap pagi," jawab Saidina Abu Bakar r.a. sambil memerhatikan wajah pengemis buta itu yang nampak marah.

"Bukan! Kamu bukan orang yang selalu menuapku setiap pagi. Perbuatan orang itu terlalu lembut dan bersopan. Aku dapat merasakannya, dia terlebih dahulu akan menghaluskan makanan itu kemudian barulah menuap ke mulutku. Tapi kali ini aku terasa sangat susah aku hendak menelannya," balas pengemis buta itu lagi sambil menolak tangan Saidina Abu Bakar r.a. yang masih memegang makanan itu.

"Ya, aku mengaku. Aku bukan orang yang biasa menuapmu setiap pagi. Aku adalah sahabatnya. Aku menggantikan tempatnya," beritahu Saidina Abu Bakar r.a. sambil mengesat air matanya yang sedih.

"Tetapi ke manakah perginya orang itu dan siapakah dia?", tanya pengemis buta itu.

"Dia ialah Muhammad Rasulullah. Dia telah kembali ke rahmatullah. Sebab itulah aku yang menggantikan tempatnya," jelas Saidina Abu Bakar r.a.. dengan harapan pengemis itu berpuas hati.

"Dia Muhammad Rasulullah?", kata pengemis itu dengan suara yang terkedu.

"Mengapa kamu terkejut? Dia insan yang sangat mulia," beritahu Saidina Abu Bakar r.a. Tidak semena-mena pengemis itu menangis sepuas-puasnya. Setelah agak reda, barulah dia bersuara.

"Benarkah dia Muhammad Rasulullah?", pengemis buta itu mengulangi pertanyaannya seolah-olah tidak percaya dengan berita yang baru didengarnya itu.

"Ya benar. Kamu tidak percaya?"

"Selama ini aku menghinanya, aku memfitnahnya tetapi dia sedikit pun tidak pernah memarahiku malah dia terus juga menuap makanan ke mulutku dengan sopan dan lembut. Sekarang aku telah kehilangannya sebelum sempat memohon ampun kepadanya," ujar pengemis itu sambil menangis teresak-esak.

"Dia memang insan yang sangat mulia. Kamu tidak akan berjumpa dengan manusia semulia itu selepas ini kerana dia telah pun meninggalkan kita," beritahu Saidina Abu Bakar r.a.

"Kalau begitu, aku mahu kamu menjadi saksi. Aku ingin mengucapkan kalimah syahadah dan aku memohon keampunan Allah," ujar pengemis buta itu.

Selepas peristiwa itu, pengemis itu telah memeluk Islam di hadapan Saidina Abu Bakar r.a.. Keperibadian Rasulullah S.A.W. telah memikat jiwa pengemis itu untuk mengakui ke-Eesaan Allah.

# JUJUR DALAM BERNIAGA

Oleh: Jabatan Syariah



Agama Islam memandang bahawa mencari rezeki untuk hidup adalah satu tuntutan atau kewajipan ke atas manusia bagi memenuhi keperluan kehidupan sehari-hari seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain, sama ada untuk diri sendiri mahupun orang yang berada di bawah naungannya. Namun apa yang penting biarlah rezeki yang diperolehi itu hendaklah dari sumber yang halal, baik serta diberkati oleh Allah S.W.T. Oleh itu, dalam kita mencari rezeki sama ada sebagai seorang pekerja, peniaga, pengusaha dan sebagainya hendaklah mengamalkan sifat jujur dan amanah, tekun dan sabar dalam pekerjaan yang dilakukan. Apatah lagi orang yang bekerja itu bukan hanya akan mendapat hasil dari usahanya, malah akan diberi ganjaran oleh Allah S.W.T. sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. maksudnya:

"Dari Anas r.a.. berkata Rasulullah S.A.W bersabda: Barangsiapa yang merasa penat kerana bekerja untuk mencari rezeki yang halal, nescaya terampun segala dosanya". (Riwayat Al-Imam As-Suyuti) Sesungguhnya mencari rezeki yang halal itu banyak caranya, antaranya ialah dengan bermula. Agama Islam amat menggalakkan umatnya bermula kerana ia merupakan sumber rezeki yang paling afdal diusahakan. Inilah juga pekerjaan yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah S.A.W. dan kebanyakkan para sahabat. Dan ketahuilah bahawa peniaga yang melaksanakan urusan perniagaannya dengan cara yang baik dan jujur akan mendapat ganjaran yang amat besar dari Allah S.W.T. sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. maksudnya:

"Dari Abi Sahid dari Nabi S.A.W. Baginda bersabda: Peniaga yang dapat dipercayai dan beramanah, akan bersama para Nabi, orang-orang yang dapat dipercayai dan orang-orang yang mati syahid".  
(Riwayat Al-Imam At-Tarmizi)

Memang selayaknya seorang peniaga yang amanah itu akan mendapat ganjaran yang sedemikian kerana dalam bermula seorang peniaga itu akan menghadapi cubaan dan dugaan yang amat besar seperti cenderung untuk bersifat tamak dan mendapatkan keuntungan yang banyak walaupun melalui jalan yang salah seperti melakukan penipuan. Justeru itu barangsiapa yang dapat menjalankan perniagaannya dengan penuh jujur dan amanah, dia diumpamakan seorang pejuang yang telah mencapai kemenangan dalam pertempuran melawan hawa nafsu. Oleh itu dalam perniagaan, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan berwaspada supaya tidak terjerumus untuk melakukan apa juga perbuatan yang menyalahi hukum agama seperti menjual barang yang haram seperti arak, barang curian, barang seludup dan sebagainya ataupun menjual daging dan barang makanan yang

diragui kehalalannya. Islam juga menegah kita dari melakukan sebarang tipudaya atau helah ketika berjual beli kerana walaupun ia mendarangkan keuntungan yang banyak, tetapi bukanlah daripada sumber yang halal, malahan mereka menganiaya dan menzalimi para pembeli yang setentunya akan mendarangkan kerugian dan kekesalan kepada pembeli.

Antara jenis penipuan tersebut ialah mengurangkan timbangan atau sukatan, mencampurkan barang yang baik dengan yang tidak baik atau kurang mutunya dan menjualnya dengan harga yang sama atau menyembunyikan mutu yang kurang baik dibawah timbunan yang baik mutunya dan sebagainya. Helah seperti ini sering dilakukan kepada bahan-bahan mentah seperti ikan, buah-buahan atau bahan makanan yang lain yang kadangkala telah sedia diikat, dilonggok atau dibungkus.

Oleh itu para peniaga hendaklah menjalankan perniagaan mereka dengan cara yang direndah Allah S.W.T. Kita contohi bagaimana cara Baginda Rasulullah S.A.W. bermula. Baginda bermula dengan jujur dan amanah, Baginda telah memperolehi keuntungan yang berlipat ganda. Oleh yang demikian, jangan kerana hendak meraih keuntungan lebih, perkara yang salah dilakukan. Ingatlah bahawa orang yang mendapat rezeki dari sumber yang tidak halal akan membawa akibat yang buruk seperti rezeki yang diperolehi tiada keberkatan di dalamnya, hilang kepercayaan orang ramai kepada padanya, tidak akan diterima doanya, akan mendapat tempat yang hina di sisi Allah S.W.T. dan dimasukkan ke dalam api neraka.

"Dari Khaula Al-Ansariah r.a. ia berkata : Aku mendengar Nabi S.A.W bersabda: Bahwasanya orang yang mencampur adukkan harta Allah dengan jalan yang tidak halal, maka mereka akan mendapat seksaan api neraka pada hari kiamat kelak". (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

Akhirnya marilah kita mempastikan sumber rezeki yang kita cari itu adalah baik dan halal, sama ada dengan bekerja makan gaji, bermiaga dan sebagainya. Bersyukurlah dengan rezeki yang diterima, biar sedikit asalkan halal dan diberkati Allah S.W.T. Dan itu adalah lebih baik daripada mendapat hasil atau keuntungan yang banyak, tetapi diperolehi melalui jalan atau cara yang menyalahi hukum agama. Sama-sama lah kita berdoa semoga usaha yang baik itu akan mendapat berkat dan keuntungan di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat. Amin Ya Rabbal'alamin.

# SHARIAH GLOSSARY

| NO. | TERM   | MEANING  |
|-----|--------|--|
| 1   | Fatwa  | Decree, religious edict from a qualified scholar   |
| 2   | Gharar | Element of uncertainty and cheating  |
| 3   | Hadith | Prophetic tradition or sayings, actions or traditions of Prophet Muhammad and his companions as recorded |
| 4   | Ibra'  | Rebate. Waiving partially or totally a right to claim a debt   |
| 5   | Maisir | Gambling   |



Bank Muamalat Malaysia Berhad  
Jabatan Syariah  
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,  
50100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2698 8787

[www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)